

## 059 ABDULLAH AZZAM : BIODATA DAN SUMBANGANNYA DALAM DAKWAH<sup>1</sup>

**Safinah Ismail**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

[safinah@kuis.edu.my](mailto:safinah@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

Dr. Abdullah Azzam merupakan anak Palestin yang telah mengubah landskap politik dunia. Graduan Al-Azhar yang berjaya menyuntik kegagahan kepada mujahidin Afghanistan sehingga meruntuhkan generasi Soviet Union. Dalam kertas kerja ini akan membincangkan latar belakang Dr. Abdullah Azzam dan sumbangannya dalam menyebarkan dakwah. Bagi mencapai objektif ini, kajian kepustakaan telah dilakukan. Data-data kajian kepustakaan diperolehi melalui buku, majalah, laman web dan blog. Hasil kajian yang diperolehi adalah beliau dididik dengan acuan Islam yang sebenar. Komitmen Abdullah Azzam terhadap Islam sangat tinggi dan menjadikan jihad sebagai satu falsafah dan sinonim dengan kehidupannya. Sumbangan yang diberikan antaranya ialah menubuhkan baitul ansar, berjihad di Palestin dan Afghanistan, mengajar di Universiti, mengubah pemikiran umat Islam. Kesimpulannya, jihad di Afghanistan telah menjadikan Abdullah Azzam tunggak pergerakan jihad zaman ini. Semangat perjuangan beliau patut dicontohi bagi mereka yang cintakan jihad.

### PENDAHULUAN.

Jadikanlah rumah kamu seperti sarang singa, bukan ladang ayam daging yang diberi makan untuk disembelih taghut..itulah mutiara kata yang dinukilkan oleh seorang pejuang yang terkenal iaitu as-syahid Dr. Abdullah Azzam, anak Palestin yang telah mengubah landskap politik dunia. Graduan Al-Azhar yang berjaya menyuntik kegagahan kepada mujahidin Afghanistan sehingga meruntuhkan generasi Soviet Union. Mujahid Arab yang menggerunkan Amerika Syarikat sehingga bertindak memadamkan gelaran ‘pengganas’ kepada komunis dan mengalihkannya kepada pejuang-pejuang Islam. Segala-galanya bermula daripada dakwah jihadiyyah Dr. Abdullah Azzam. Time Magazine telah menulis tentangnya mengatakan bahawa ‘beliau adalah penghidup Jihad pada abad 20’.

---

<sup>1</sup> IRMIC 2014 17-18/11/2014 RADIUS INTERNATIONAL HOTEL, KUALA LUMPUR

“... Dr. Abdullah Azzam sering berkata :“ *aku tidak akan meninggalkan jihad Islam di Afghanistan, melainkan setelah aku dibunuh*” Allah s.w.t telah mengurniakan apa yang di cita-citakan oleh as- Syahid Dr. Abdullah Azzam. Beliau sangat kasih sesama umat Islam tanpa sebarang taksud kepada mana-mana kumpulan atau jamaah. (Zainudin Hashim, Riduan Mohamad Nor. 2009:37)

Selain itu, daripada petikan Eng. Gulbuddin Hekmatyar, Amir Hizbul al- Islami Afghanistan di majlis memperingati as- Syahid Dr. Abdullah Azzam di markas Hizb al- Islami, Peshawar mengatakan “... *Kami menganggap as- Syahid Dr. Abdullah Azzam sebagai pendakwah, mujahid dan komandan jihad bagi harakah Islamiyah. Setelah pemergian beliau, apabila saya melihat pemuda – pemuda Arab di jalan – jalan raya Peshawar, saya merasakan seolah-olah mereka itu anak yatim yang kehilangan bapa.* (Zainudin Hashim, Riduan Mohamad Nor. 2009:38)

## LATAR BELAKANG

Di lahir dalam keluarga ternama (Azzam) pada tahun 1941 di desa Asba’ah Al-Hartiyeh, wilayah Jenin di sebelah barat Sungai Jordan. Bapanya bernama Mustaffa yang meninggal dunia setahun selepas pembunuhan anaknya. Ibunya pula bernama Zakia Saleh yang meninggal dunia setahun sebelum Syekh Abdullah Azzam dibunuh. Ibunya dikebumikan di kem Pabi, Pakistan. Beliau dari keluarga yang baik latar-belakang keagamaannya. Keluarga beliau gembira mempunyai anak lelaki, Abdullah Yusuf Azzam, yang istimewa di kalangan kanak-kanak lain dan mula menyebarkan dakwah pada usia yang muda. Rakan-rakan beliau mengenali beliau sebagai seorang yang warak. Beliau menunjukkan tanda-tanda kecemerlangan pada usia muda. Guru-guru beliau melihat keistimewaan ini sejak beliau di bangku sekolah lagi. Beliau menyertai al-Ikhwan-ul-Muslimin sebelum mencapai usia baligh.

Sheikh Abdullah Azzam telah dikenali kerana ketabahan dan sifat beliau yang serius sejak beliau masih kecil lagi. ( www.azzam.com) Beliau dibesarkan di sebuah rumah yang bersahaja dimana beliau dididik agama Islam, ditanamkan kecintaan terhadap Allah s.w.t dan Rasul-Nya s.a.w terhadap mujahidin yang berjuang di jalannya dan terhadap orang-orang yang soleh yang mencintai kehidupan akhirat. Semasa masih kanak-kanak Abdullah Azzam sangat menonjol di antara kanak-kanak lainnya. Beliau sudah menyebarkan dakwah Islam semenjak masih kecil. Teman-teman sepergaulan mengenali beliau sebagai seorang anak yang soleh. Beliau telah menunjukkan tanda-tanda yang luar biasa sejak muda dan guru-guru beliau telah mengenali tanda-tanda itu sejak beliau masih di sekolah rendah. Syekh Abdullah Azzam juga dikenali kerana ketekunan dan kesungguhan bahkan sejak masih kecil lagi. ( Siti Nabilah Binti Mohd Sadini. 2011:11)

Beliau melangsungkan perkahwinan pada tahun 1965 dan dikurniakan lapan orang anak, lima lelaki dan tiga orang perempuan mereka terdiri daripada Muhammad dan Ibrahim (masing-masing gugur syahid bersama bapa mereka ketika berusia 20 dan 15 tahun), Hanifah, Hamzah dan Mus’ab, sementara anak-anak perempuannya terdiri daripada Fatimah, Wafa’ dan Sumaiyah. Tokoh ini telah membesarkan zuriatnya dengan suasana kecintaan kepada Islam dan mengutamakan perjuangan lebih daripada peribadi. ( Ridwan Mohamad Nor. 2011:32)

Selepas pihak Yahudi menawan Tebing Barat pada tahun 1967, Sheikh Abdullah Azzam berhijrah ke Jordan, kerana beliau tidak mahu tinggal di bawah penjajahan Yahudi di Palestin. Pengalaman melihat kereta-kereta kebal Israel bergerak masuk ke Tebing Barat tanpa apa-apa tentangan meningkatkan azam beliau untuk berhijrah bagi mendapatkan kemahiran yang diperlukan untuk berperang.

Beliau menjadi salah seorang yang terusir dari tanah negerinya sendiri. Bersama ratusan ribu rakyat Palestin, Abdullah Azzam menjadi pelarian di Jordan. Di sinilah beliau juga berkenalan dengan Ikhwanul Muslimin, sebuah gerakan Islam yang didirikan oleh as-Syahid Imam Hassan al-Banna dan banyak menghantar para mujahidin mesir masuk ke Palestin dan berperang melawan penjajah Zionis Israel yang kejam lagi bengis. Abdullah Azzam menggabungkan diri bersama Ikhwanul Muslimin di wilayah Jordan.

Di sinilah beliau telah terlibat secara aktif membentuk kesatuan operasi ketenteraan untuk menyerang Israel. Dalam masa yang sama, sebuah gerakan Palestin yang lain juga muncul dan diakui kekuatannya. Gerakan itu adalah *Palestin Liberation Organization* (PLO), sebuah organisasi yang menaungi berbagai lembaga perjuangan kemerdekaan Palestin. (Atriza Umar.)

Sesudah kepulangannya ke Jordan beliau telah berhijrah ke Arab Saudi untuk berkhidmat sebagai pensyarah di salah sebuah universiti di sana. Pada tahun 1979 beliau meninggalkan universiti tersebut untuk berpindah ke Pakistan agar berada hampir dengan suasana Jihad di Afghanistan. Di sana juga beliau mengenali pemimpin-pemimpin Jihad. Semasa mula-mula tiba di Pakistan beliau telah dilantik sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa di Islamabad. Selepas beberapa ketika beliau mengambil keputusan untuk berhenti dari tugas mengajar di universiti untuk menumpukan keseluruhan masa dan tenaga beliau kepada usaha Jihad di Afghanistan.

Malahan pula, kecintaannya kepada jihad dan mati syahid sangat membunyah dalam relung hatinya dengan bukan sekadar ilusi namun beliau telah mewakafkan dirinya untuk perjuangan Islam sehingga namanya telah disinonimkan dengan jihad membeaskan bumi Afghanistan. Itulah seorang tokoh Mujahidin Islam Dr. Abdullah Azzam yang memahat satu nama besar yang tidak asing lagi dalam dunia dakwah dan gerakan Islam di rantau Arab. (Zainudin Hashim, Riduan Mohamad Nor. 2009: 37)

## **Sejarah Pendidikan**

Syeikh Azzam telah menerima didikan awal daripada bapanya yang sentiasa mendidik beliau untuk mencintai Islam dan mengambil berat akan bumi Palestin. Dr. Abdullah Azzam semenjak kecil lagi telah ditanam untuk solat berjemaah di masjid kampungnya. (Zainudin Hashim, Riduan Mohamad Nor. 2009: 40)

Setelah menamatkan pendidikan awal di kampungnya, beliau telah melanjutkan pelajaran di Kolej Khadorri dekat kota Tulkarem, Palestin dalam mengambil jurusan pertanian peringkat diploma. Setelah menamatkan pengajian disitu, Syeikh Azzam bertugas sebagai seorang guru di perkampungan Adder, Jordan. Kemudian beliau melanjutkan pengajian di Shariah College di Universiti Damsyik, Syria bagi memperolehi gelaran B.A pada tahun 1966. Tahun 1967, pada Perang Enam Hari antara Mesir dan Israel, rejim Yahudi itu berjaya menduduki Tebing Barat,

Syeikh Azzam kemudiannya berpindah ke Jordan untuk melibatkan diri dan bergabung dengan Ikhwanul Muslimin Palestin di sana. Beliau telah terlibat dengan beberapa pertempuran ini seramai 63 orang Yahudi telah terbunuh, beliau juga telah memimpin beberapa pertempuran dalam tahun 1970.

Syeikh Azzam kemudiannya berangkat ke Mesir untuk melanjutkan pengajian Islam di Universiti al-Azhar, Kaherah dan mendapat gelaran Master di bidang syariah. Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah yang mengajar di Universiti Jordan di Amman dan pada tahun 1971, Syeikh Azzam kembali ke Universiti al-Azhar dan memperoleh Ph.D dalam bidang Usul Fiqh pada tahun 1973. Pada tahun 1980 beliau telah dilantik sebagai pensyarah di Universiti King Abdul Aziz di Jeddah dan beliau juga pernah dilantik sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Islamabad, namun akhirnya meninggalkan jawatan itu untuk memberikan sepenuh masa kepada perjuangan jihad di Afghanistan (Ahmad Amri Zainal Adnan dan Nurasyikin Ahmad. 2009:124)

Nama Guru Yang Telah Mendidik Dr. Abdullah Azzam.

1. Shafiq Asad Abdul al-Hadi
2. Muhammad Abdul ar- Rahman
3. Syeikh Said Hawwa
4. Dr. Muhammad Said Ramadhan al-Buti
5. Dr. Mohd. Adib Saleh,
6. Syeikh Mula Ramadhan Asy-Syafie
7. Syeikh Marwan Hadid.

Sifat – Sifat Dr. Abdullah Azzam.

### **1. Bercita-cita tinggi**

Mujahidin Abdullah Azzam mempunyai sifat yang sangat tinggi dan tidak ternilai di sisi manusia. Beliau mempunyai cita-cita yang tinggi yang tersemat di dalam hati. Hal ini kerana komitmen Abdullah Azzam terhadap Islam sangat tinggi dan menjadikan jihad sebagai satu falsafah serta sinonim dengan kehidupannya. Sehingga akhir hayatnya, beliau tetap menolak tawaran untuk mengajar di beberapa universiti. Bahkan pula. Beliau telah berjanji untuk terus berjihad sehingga titik darah penghabisan. Mati sebagai mujahid adalah cita-citanya. (Zainudin Hashim, Riduan Mohamad Nor. 2009:37)

### **2. Mempunyai sifat kasih-sayang**

Dr. Abdullah Azzam mempunyai sifat kasih dan sayang kepada ummat Islam serta bumi Islam yang mana ia dapat dibuktikan melalui kata-kata beliau “... *aku tidak akan meninggalkan jihad Islam di Aghanistan, melainkan setelah aku dibunuh. Beliau sangat kasih dan sayang sesama umat Islam tanpa sebarang taksab kepada mana-mana kumpulan atau jamaah.*”

### **3. Tabah menghadapi ujian Allah s.w.t**

Mujahid Islam Dr. Abdullah Azzam tidak pernah sunyi daripada menghadapi kritikan dan kata nista daripada mulut manusia yang mana mereka mengkritik beliau yang meninggalkan Palestin. Beliau telah menjawab tuduhan itu, “ *Demi Allah saatnya tidak menganggap Afghanistan lebih mulia dari Palestin dan saya juga tidak menganggap kota Kabul lebih berharga dari Kota Khalil. Saya meninggalkan Palestin kerana disana saya tidak boleh berdakwah dengan seluasnya kerana orang-orang zalim di Palestin selalu menghalangi perjuanganku. Saya keluar dari Palestin adalah untuk mencari tempat yang sesuai untuk berjihad dan demi Allah s.w.t sesungguhnya bumi Palestin selalu berada di hati dan selalu menjadi perbincangan umat Islam.*”

#### **4. Sifat Bertanggungjawab.**

Beliau merasakan sangat bertanggungjawab untuk membeaskan umat Islam daripada kezaliman di samping dalam menyebarkan dakwah kepada umat Islam dengan mengorbankan cara hidup beliau yang mewah dan masa untuk bergurau senda bersama ahli keluarganya.( Zainudin Hashim, Riduan Mohamad Nor. 2009:41)

#### **Kematian**

Musuh Allah sentiasa merancang untuk menamatkan perjuangannya di bumi jihad Aghanistan dan pelbagai konspirasi telah di atur.Beberapa kali Abdullah Azzam menerima ujian pembunuhan.Sampai akhirnya beliau dibunuh pada hari Jumaat 24 November 1989. Tiga buah bom yang sengaja dipasang di kawasan yang biasa dilalui Abdullah Azzam meledak ketika sedang meletakkan keretanya untuk menunaikan solat Jumaat di Paeshawar, Pakistan.Syeikh Abdullah Azzam bersama dua orang anak lelakinya meninggal di tempat kejadian.Bahkan pula, kenderaan Abdullah Azzam hancur lebur serta anak lelakinya Ibrahim tercampak keluar dalam 100 meter.Letupan yang berlaku begitu kuat sehingga memutuskan aliran elektrik di kawasan sekitarnya dengan menggunakan bahan letupan yang berkuasa tinggi iaitu TNT seberat 20 kilogram.Tubuh badan Syeikh Abdullah Azzam masih utuh bersandar pada sebuah tembok. Hanya sedikit darah yang mengalir dari bibirnya yang berbau seperti aroma kasturi.

Apabila orang ramai mengetahui bahawa yang terbunuh itu ialah Abdullah Azzam, ramai di antara mereka menitikkan air mata.Orang ramai kemudiannya membantu membawa mayat beliau dan 2 orang anaknya ke hospital yang berdekatan. Setelah doktor mengesahkan ketiga-tiga mereka itu tidak lagi bernyawa, maka jenazah tersebut kemudiannya dibawa ke rumah rakan seperjuangan beliau, pemimpin Ittihad Islami, Abdul Rabbir Rasul Sayyaf sementara menunggu untuk dikebumikan.

Dalam pada itu, orang ramai yang menunggu jenazah Abdullah Azzam dan anaknya, terbau haruman kasturi daripada bilik tempat jenazah mereka ditempatkan.Ini menguatkan lagi keyakinan mereka, bahawa Abdullah Azzam serta 2 orang anaknya, dicabut nyawa oleh Allah sebagai seorang syuhada.Haruman tersebut ialah salah satu petanda bahawa perjuangan Abdullah Azam telah mencapai matlamat yang sering dirindukannya.( Nor Shuhada Ibrahim :9)

Perjuangan Islam dan jihad di Afghanistan merasai kehilangan sebutir mutiara sangat berharga sebagaimana yang dikomentari oleh ramai pimpinan harakah antaranya Dr. Abdul Majid Zindani seorang tokoh harakah Islam dari negara Yaman, “... saya mengucapkan

tahniah di atas syahidnya Dr. Abdullah Azzam dan saya tidak mahu mengucapkan takziah kerana ketika seorang mujahidin Arab yang menemui syahid tempoh hari, yang mana beberapa shabatnya pergi menemui bapanya di rumah dengan mengucapkan takziah di atas kematian anaknya. Oleh itu, ayahnya terus menjawab bahawa “..tidak hari bukan untuk kalian mengucapkan takziah tetapi ucapan tahniah.” Seperti mana sabda Rasulullah s.a.w “ orang yang mati syahid itu memberi syafaat kepada 70 orang ahli keluarganya”.

## **SUMBANGAN ABDULLAH AZZAM DALAM DAKWAH.**

### **1. Menubuhkan Bait-Ul-Ansar**

Di Peshawar, beliau mengasaskan Baitul-Ansar atau Biro Khidmat Mujahidin yang membantu pihak Mujahidin Afghanistan. Biro itu turut berperanan melatih para sukarelawan yang mahu berjihad di Afghanistan. Usaha beliau berjaya dan para sukarelawan dari seluruh pelosok dunia menyambut seruan beliau. Tidak kurang daripada 20,000 orang dari seluruh pelosok dunia datang ke Afghanistan bersama-sama mempertahankan maruah umat Islam. Dengan itu, beliau membina kem latihan khas bagi melatih mereka tentang teknik-teknik peperangan bersenjata. Beliau sendiri tidak ketinggalan berjuang bersama para Mujahidin di serata Afghanistan walaupun sudah berusia 40-an. Beliau juga berperanan menyatupadukan pemimpin-pemimpin Mujahidin yang tidak sehaluan dalam usaha membebaskan Afghanistan daripada cengkaman penjajah. (Khozin Abu Faqih, Lc. 2003: 643)

### **2. Berjihad Di Palestin**

Sejak di bangku sekolah, Abdullah sudah mula menyemai benih jihad ke dalam dirinya. Beliau tidak mahu 30 juzuk al-Quran yang dihafalnya hanya bersarang di dalam kepala. Sebaliknya ia perlu diterjemahkan dengan tindakan. Kekejaman Zionis yang menjajah, telah menambah bara di dadanya. Justeru, perjalanan pengajiannya di pelbagai peringkat diselang-seli dengan aktiviti jihad.

Pada tahun 1967, angin penentangan terhadap Zionis bertiup kencang. Ia bermula dengan serangan Israel bagi menguasai Baitul Maqdis Timur, Bukit Golan dan Semenanjung Sinai. Di waktu masyarakat Arab masih terpinga-pinga tidak tahu landasan mana yang perlu dilalui untuk menentang musuh mereka, Abdullah Azzam sudah mula mengibarkan bendera jihad. Beliau mengumpulkan pemuda-pemuda Islam di Jordan dan melancarkan serangan kecil-kecilan ke atas kedudukan tentera Zionis di Palestin.

### **3. Berjihad Di Afghanistan**

Suasana jihad di Afghanistan juga sangat banyak dipengaruhi oleh pemikiran beliau semenjak beliau menumpukan seluruh masanya untuk berjihad. Beliau menjadi seorang yang disegani di medan jihad Afghanistan dan juga di kalangan para pemimpin Afghan sendiri. Beliau telah mencurahkan seluruh daya usahanya untuk menyebarkan dan memahamkan isu jihad di Afghanistan kepada seluruh umat Islam di serata dunia. Beliau mengubah pandangan umat Islam tentang Jihad di Afghanistan daripada perjuangan rakyat Afghanistan mempertahankan tanah air mereka semata-mata kepada menyedarkan bahawa Jihad adalah tuntutan Islam yang dipertanggungjawabkan ke atas seluruh umat Islam di serata dunia.

Jihad di Afghanistan telah menjadikan Abdullah Azzam tunggak dan simbol pergerakan Jihad zaman ini. Melalui usaha beliau menyertai jihad ini, menyebarkan dan memahamkannya kepada umat Islam menjadikan beliau berjaya mengubah pemikiran umat Islam tentang jihad dan keperluan ummah ini kepada jihad. Beliau menjadi ikon generasi muda yang menyahut seruan jihad. Beliau sangat menghargai Jihad dan amat menekankan keperluan Ummah Islam kepada jihad. Beliau pernah berkata, *"Aku rasa seperti baru berusia 9 tahun, 7 setengah tahun di Jihad Afghanistan, satu setengah tahun di Jihad Palestin dan tahun-tahun yang selebihnya tidak bernilai apa-apa."*

Beliau tidak berasa penat untuk mempromosikan perjuangan Afghanistan ke seluruh dunia, khususnya untuk kalangan Umat Islam. Beliau mengelilingi dunia, menyampaikan dakwah kepada kaum muslimin untuk mempertahankan agama dan tanah muslim. Bahkan beliau sendiri turun ke medan jihad Afghanistan, walaupun usia beliau telah lebih dari 40 tahun pada ketika itu. Beliau menjelajahi Afghanistan, dari utara ke selatan, dari timur ke barat, menembus salju, mendaki pegunungan, di bawah panas terik matahari dan dinginnya angin, dengan menunggang keldai ataupun berjalan kaki. Banyak pemuda yang bersama beliau sudah kelihatan letih, namun tidak kelihatan sedikit pun keletihan bagi Abdullah Azzam.

Di antara usaha terbesar beliau di medan jihad Afghanistan ialah penyatuan pihak-pihak pejuang Afghanistan dari pelbagai latar belakang untuk menentang Russia. Orang-orang Afghan yang sememangnya dikenali dengan kekerasan dan perpecahan di kalangan mereka telah berjaya disatukan oleh Abdullah Azzam di bawah satu panji jihad. Sayangnya, selepas beliau syahid, dan selepas Afghanistan berjaya mencapai kemerdekaan dari penjajahan Russia, puak-puak pejuang Afghanistan kembali berpecah dan berperang sesama sendiri.

#### **4. Mengajar di Universiti**

Pada tahun 1970 sesudah Jihad terhenti kerana kekuatan PLO dipaksa keluar dari Jordan, beliau menjadi seorang pensyarah di Universiti Jordanian di Amman.

Semasa mula-mula tiba di Pakistan beliau telah dilantik sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa di Islamabad. Selepas beberapa ketika beliau mengambil keputusan untuk berhenti dari tugas universiti untuk menumpukan keseluruhan masa dan tenaga beliau kepada Jihad di Afghanistan. (Khozin Abu Faqih, Lc. 2003: 643)

#### **5. Mengubah Pemikiran Umat Islam.**

Abdullah Azzam sangat banyak dipengaruhi oleh jihad di Afghanistan. Beliau menjadi seorang yang disegani di arena jihad Afghanistan disamping para pemimpin Afghan sendiri. Beliau menumpahkan seluruh daya usaha untuk menyebarkan dan memahamkan jihad di Afghanistan ke seluruh dunia, terutamanya melalui ummah Islam. Beliau mengubah pandangan umat Islam tentang jihad di Afghanistan dan menyedarkan bahawa jihad adalah tuntutan Islam yang dipertanggungjawabkan pada semua umat Islam di seluruh dunia. Berkat hasil usaha beliau, Allah menjadikan jihad Afghan satu jihad universal yang disertai oleh umat Islam dari serata pelosok dunia. (Khozin Abu Faqih, Lc. 2003: 645)

Beliau juga telah mengubah pandangan umat Islam terhadap jihad di Afghanistan dan menjadikan jihad ini sebagai perjuangan yang Islami yang merupakan kewajiban seluruh

umat Islam di dunia. Hasil dari usaha inilah jihad Afghanistan menjadi lebih universal dimana umat Islam dari seluruh penjuru dunia turut serta dalam jihad.

Jihad di Afghanistan telah menjadikan Abdullah Azzam tunggak pergerakan jihad zaman ini. Melalui usaha beliau menyertai jihad ini, menyebarkan dan memahamkan Jihad ini, membuang halangan-halangan pada jihad ini, beliau berperanan penting dalam mengubah pemikiran umat Islam tentang jihad dan keperluan ummah ini pada jihad. Beliau menjadi idola generasi muda yang menyahut seruan jihad. Beliau sangat menghargai jihad dan keperluan ummah ini pada jihad. Pernah beliau berkata, *“Aku rasa seperti baru berusia 9 tahun, 7 setengah tahun di jihad Afghan, 1 setengah tahun di jihad Palestin dan tahun-tahun yang selebihnya tidak bernilai apa-apa.”*

## 6. Menyatukan Perpaduan Mujahidin

Abdullah Azzam memegang jawatan sebagai Ketua Pejabat Pelayan Mujahid, ketika berada di Afghanistan, Abdullah merasa bimbang dengan perpecahan yang berlaku di kalangan mujahidin. Terdapat tujuh kumpulan mujahidin Afghan yang menentang Soviet Union. Itu belum termasuk golongan Ansar yang datang dari luar. Ada kumpulan Harkatul Jihad (Pakistan), kumpulan mujahid Arab dan sebagainya. Atas rasa tanggungjawab terhadap kesatuan ummah, Abdullah sentiasa menjalinkan hubungan dengan semua kumpulan dan berusaha menyatukan mereka khususnya tempat yang mempunyai fikrah Islam yang jelas iaitu Ittihad Islami pemimpin Syeikh Sayyaf, Hizbi Islami pemimpin Hekmatyar, Hizbul Islami pemimpin Yunus Khalis dan Jalaludin Haqqani, serta kumpulan Jam'iyat Islami pimpinan Burhanuddin Rabbani dan Komandannya, Ahmad Shah Mas'ud. Abdullah sentiasa mencari jalan untuk menyatukan mereka. Panduan para mujahidin sangat penting dalam usaha memerangi penjajah musyrikin. Ternyata setiap kali mereka mencapai kata sepakat, Allah memberikan kemenangan kepada mereka di beberapa wilayah.

Tidak cukup dengan turun sendiri ke medan jihad, Abdullah turut merantau ke seluruh dunia untuk berkempen bagi menyeru pemuda-pemuda Islam supaya pergi berjihad di Afghanistan. Untuk berjihad di Palestin agak sukar kerana pintu sempadan ditutup oleh algojo Arab yang pro-Amerika. Tetapi Afghanistan, pintunya terbuka ketika itu kerana pemimpin Pakistan, Presiden Zia Ul-Haq sememangnya memberi laluan kepada mujahidin untuk menjadikan negara itu sebagai transit ke medan jihad. Zia pernah berkata *“Saya sedang menunggu mujahidin menguasai Kabul. Ketika itu saya akan menjadi orang pertama sembahyang di Masjid Besar Kabul”*. Malangnya Zia dibunuh lebih awal. Abdullah tidak keseorangan. Kempennya dibantu oleh Syeikh Tamim Adnani. Mereka seringkali ke Eropah, Kanada, Amerika Syarikat dan negara-negara umat Islam untuk menyeru pemuda Islam supaya berjihad. Kerja mereka tidak sia-sia. Kedatangan mujahidin ‘Ansar’ ini begitu ramai sekali, khususnya dari Arab Saudi, Mesir, Libya, Jordan, Indonesia, Filipina, Amerika dan Negara-negara Arab yang lain. (Riduan Mohamad Nor.2011: 36)

Peranan yang dimainkan oleh Abdullah dalam menyatukan para mujahidin, di samping kempen berterusannya menyeru supaya umat Islam berjihad, memberikan kegerunan kepada musuh-musuh Islam. Amerika yang berseteru dengan Rusia juga bimbang dengan aktiviti Abdullah. Pemimpin Arab turut bimbang kehilangan kuasa. Presiden Libya, Muammar Ghadafi dan Presiden Mesir, Muhammad Husni Mubarak bertindak menangkap, menyiksa



dan menjatuhkan hukuman mati ke atas rakyat mereka yang berjihad membantu umat Islam Afghanistan.

## 7. Menyampaikan ceramah agama dan khutbah

Pada usia remaja, ketokohan Abdullah sudah mula terserlah. Masyarakat memberi kepercayaan kepadanya menyampaikan tazkirah, kuliah, khutbah dan ceramah agama di masjid-masjid. Walaupun pihak berkuasa tidak membenarkan sesiapa berceramah tanpa tauliah, Abdullah tidak mempedulikannya dan terus mengajar setiap hari Jumaat. Suatu hari, ketika sedang mengajar, imam masjid memintanya berhenti kerana kedatangan seorang tentera Jordan. Abdullah tidak peduli, dia terus menyampaikan ceramahnya sehinggalah askar tersebut tiba. Ceramah tetap tidak dihentikan. Perhatikan ketegasan Abdullah, askar berkenaan merasa kagum lantas mengambil wuduk dan duduk bersama-sama ahli jemaah masjid mendengar ceramah Abdullah. (Herry Mohammad, DKK. 2006:154.)

## 8. Menyampaikan dakwah bil kitabah

Walaupun sibuk dengan di medan jihad, beliau tidak melupakan dakwah bil kitabah. Beliau meninggalkan warisan ilmiah, beberapa buku-buku penting yang berjumlah sekitar dua puluh judul buku. Di antaranya ialah:

1. *Ayaturrahman fi Jihadil Afghan.*
2. *Al-Islam wa Mustaqbalul Basyariyah.* (Islam dan masa Depan Kemanusiaan)
3. *Ilhaq bil Qafilah.*
4. *Hukmul Amal fil Jama'ah.* (Hukum berjuang/beramal dlm berjamaah)
5. *Al-Amru bil Ma'ruf wa Nahyu anil Munkar.*
6. *Hamas: Al-Judzur At-Tarikhiyah wal Mitsaq.*
7. *As-Sarathan Al-Ahmar.*
8. *Al-Aqidah wa Atsaraha fi Bina'il Jil.* (Akidah dan Kesannya dlm Membentuk Masyarakat)
9. *Al-Manarah Al-Mafqudah.* (Menara Api yang Hilang)
10. *Fil Jihad Adab wa Ahkam.*

Beliau juga mendirikan majalah Risalatul Jihad sebagai mimbar informasi bulanan untuk menyebarkan berita-berita jihad dan berita melalui Lahibul Ma'rakah yang memuatkan tentang peristiwa-peristiwa sebenar di medan Afghanistan. (Herry Mohammad, DKK. 2006:154)

## PENUTUP

Abdullah Azzam dididik dengan acuan Islam yang sebenar. Komitmen beliau terhadap Islam sangat tinggi dan menjadikan jihad sebagai satu falsafah dan sinonim dengan kehidupan. Sumbangan yang diberikan antaranya ialah menubuhkan baitul ansar, berjihad di Palestin dan Afganistan, mengajar di Universiti, mengubah pemikiran umat Islam.. Rakaman perjuangan seorang pejuang yang telah mengabdikan dirinya pada jihad di Afghanistan serta usaha gigih beliau untuk menyatukan saf Islam di medan Afghanistan sangat dirasai. Selain itu, beliau juga merupakan mentor kepada pemuda-pemuda Arab yang sebahagiannya

sanggup meninggalkan kekayaan keluarga serta pengajian di universiti hanya semata-mata untuk berada di ‘universiti jihad’ iaitu perjuangan di Afghanistan. Perjuangan yang gigih telah berjaya mengalahkan tentera Russia. Jihad di Afghanistan telah menjadikan Abdullah Azzam tunggak pergerakan jihad zaman ini. Semangat perjuangan beliau patut dicontohi bagi mereka yang cintakan jihad.

## **RUJUKAN**

Ahmad Amri Zainal Adnan dan Nurasyikin Ahmad. 2009. 50 tokoh Islam Yang Mengubah Dunia. PTS Millennia: Selangor.

Atriza Umar, Pahlawan Islam Kontemporari Para Peminang Bidadari, Penerbit Rijal Media.

Greg Fealy , 2007. Jejak Kafilah, Penerbit Mizan

Herry Mohammad,DKK. 2006. Tokoh-tokoh Islam yang Berpengaruh Abad 20. Gema Insani Press: Jakarta.

<http://dakwah.info/biografi/abdullah-yusuf-azzam>

Kelompok Penterjemah , Jihad Syarat Kemenangan Islam, Pustaka Syuhada.

Khozin Abu Faqih, Lc. 2003. Mereka Yang Telah Pergi, Tokoh-tokoh Pembangun Pergerakan Islam Kontemporer. Al-I'tishom Cahaya Umat: Jakarta.

Nor Shuhada Ibrahim.t.t. Syeikh Abdullah Yusof Azzam.Kertas Kerja Tokoh – Tokoh Pendakwah. Jabatan Dakwah dan Pengurusan,KUIS

Ridwan Mohamad Nor. Edisi Khas konflik Asia Barat 2011.Gerakan Islam dan Persaingan Kuasa di Asia Barat.

Siti Nabilah Binti Mohd Sadini.2011. Sumbangan Dr.Fathi Yakan Dan Dr.Abdullah Azzam Dalam Dakwah Islamiyah: Kertas Kerja Tokoh – Tokoh Pendakwah. Jabatan Dakwah dan Pengurusan,KUIS

[www.azzam.com](http://www.azzam.com) . <http://www.mail-archive.com/hizb@hizbi.net/msg17791.html>

Zainudin Hashim, Riduan Mohamad Nor. 2009. Tokoh-tokoh Gerakan Islam Abad Moden . Angkatan Edaran Ent. Sdn. Bhd. Selangor.